

**KERTAS KERJA UNTUK PERTIMBANGAN MESYUARAT  
MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN BAGI PEKERJA-PEKERJA  
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**

**CADANGAN UNTUK MEMANJANGKAN CUTI TIBI, KUSTA  
DAN BARAH (PA C30) KEPADA PEGAWAI PERUBATAN  
KONTRAK DAN PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH  
LANTIKAN KONTRAK**

**1.0 TUJUAN**

- 1.1 Kertas kerja ini adalah bertujuan untuk memohon pertimbangan Kerajaan untuk memanjangkan cuti tibi, kusta dan barah (PA C30) kepada pegawai perubatan dan pegawai perubatan siswazah lantikan kontrak di dalam Perkhidmatan Kerajaan termasuk Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pertahanan.

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Sejak 2016, pegawai perubatan siswazah telah pun dilantik secara kontrak dan seterusnya pada tahun 2018, kumpulan tersebut telahpun disambung kontrak untuk 2 tahun sebagai pegawai perubatan. Dengan lantikan tersebut, kumpulan ini merupakan kumpulan lantikan kontrak terbesar dalam perkhidmatan awam.

- 2.2 Oleh kerana mereka telah pun dilantik secara kontrak, maka kumpulan doktor-doktor muda tersebut telah dikecualikan daripada menerima cuti tibi, kusta dan barah sepetimana yang dinikmati oleh pegawai lantikan tetap.
- 2.3 Cuti kusta, tibi dan barah seperti yang tertera dalam Perintah Am Bab C adalah seperti berikut :
- 2.3.1 Mendapat rawatan perubatan percuma termasuk pengecualian bayaran wad dalam hospital kerajaan.
- 2.3.2 Cuti sakit bergaji penuh tidak melebihi 24 bulan bagi barah dan kusta dengan perakuan sijil sakit.
- 2.3.3 Cuti sakit bergaji penuh tidak melebihi 12 bulan untuk penyakit tibi.
- 2.3.4 Nota
- 2.3.4.1 Selebihnya boleh diambil cuti semua cuti rehat yang ia berkelayakan
- 2.3.4.2 Kelulusan tambahan diperlukan bagi cuti yang melebihi had di atas
- 2.3.4.3 Bagi pesakit yang memerlukan rawatan di Yayasan bukan Kerajaan, perlu mendapatkan kelulusan Kementerian terlebih dahulu di atas tanggungan sendiri.
- 2.4 Pihak pekerja telahpun menerima aduan yang beberapa pegawai perubatan yang menghidap penyakit tibi dan barah telahpun ditamatkan kontrak mereka selepas melebihi 90 hari cuti sakit. Namun,

untuk penyakit tibi dan barah, biasanya tempoh rawatan adalah melebihi jangkamasa tersebut.

- 2.5 Penamatan kontrak mereka telahpun menjelaskan jangkamasa perkhidmatan dan latihan, dan mereka terpaksa mengulangi semula keseluruhan proses untuk dilantik semula yang memakan masa yang sangat lama. Pegawai-pegawai tersebut telahpun mengalami tekanan fizikal dan mental kerana penyakit mereka, dan penamatan kontrak serta keperluan untuk mengulangi proses menunggu yang sangat lama menambahkan lagi tekanan ke atas pegawai tersebut. Bak kata pepatah Melayu, sudah jatuh ditimpa tangga.

### **3.0 ASAS PERTIMBANGAN**

- 3.1 Tugas seorang pegawai perubatan seringkali menyebabkannya terdedah kepada penyakit berjangkit seperti tibi dan sememangnya menjadi antara risiko persekitaran kerja yang terpaksa pegawai hadapi.
- 3.2 Penyakit barah adalah sesuatu yang amat serius dan pihak pekerja berharap yang pesakit tersebut dapat dibantu dan disokong semasa mengharungi cabaran tersebut.
- 3.3 Oleh kerana ini, adalah diharapkan yang cuti sakit tibi, kusta dan barah dapat dipanjangkan kepada pegawai lantikan kontrak tersebut. Bilangan pegawai yang terpaksa mengharungi cabaran tibi dan barah sememangnya tidak banyak, namun pertimbangan dan

sokongan oleh pihak kerajaan akan dapat membantu mereka yang telahpun ditimpa kecelakaan tersebut.

#### **4.0 IMPLIKASI KEWANGAN**

- 4.1 Implikasi kewangan adalah minimum, dengan hanya menampung gaji penuh pegawai semasa mereka mengambil cuti sakit tersebut.

#### **5.0 KESIMPULAN**

- 5.1 Permohonan untuk memanjangkan cuti tibi, kusta dan barah kepada pegawai perubatan dan pegawai perubatan lantikan siswazah adalah wajar dan merupakan tindakan yang sememangnya menunjukkan keprihatinan Pihak Kerajaan kepada pegawai lantikan kontrak tersebut.

#### **6.0 SYOR**

- 6.1 Berdasarkan kepada penjelasan di atas, Mesyuarat Majlis Bersama Kebangsaan Bagi Pekerja-pekerja Pengurusan dan Professional dipohon untuk menimbangkan permohonan untuk memanjangkan cuti tibi, kusta dan barah kepada pegawai perubatan dan pegawai perubatan siswazah lantikan kontrak.

**Disediakan oleh,**

**Dr Kevin Ng Wei Shan**

**Penolong Setiausaha Majlis Bersama Kebangsaan**

**Pengurusan dan Profesional**

**Pengerusi (SCHOMOS)**

**Persatuan Perubatan Malaysia (MMA)**